

Topik 1 Sejarah Perkembangan Pendidikan Moral

1.1.1 Definisi Pendidikan Moral

Pendidikan Moral ialah satu program yang mendidik murid supaya menjadi insan yang bermoral atau berakhhlak mulia dengan menekankan aspek perkembangan pemikiran moral, perasaan moral dan tingkah laku moral.

Prinsip-prinsip melahirkan insan JERI adalah:

- Bertanggungjawab pada diri, keluarga dan orang lain;
- Berpegang teguh pada ajaran agama;
- Prihatin kepada alam sekitar;
- Mengelakkan keamanan dan keharmonian hidup;
- Bersemangat patriotik;
- Menghormati hak asasi manusia; dan
- Mengamalkan prinsip demokrasi dalam kehidupan.

1.1.2 keagamaan dan kerohanian yang kukuh dan bersikap toleransi.

Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam telah dirancangkan untuk mendorong perkembangan rohani pelajar-pelajar.

- Di Tahap Satu - pembentukan nilai-nilaimurni dan tingkah laku yang baik
- Tahap Dua - pemikiran rasional dan perbincangan tentang isu-isu moral.

1.2.1 Latar Belakang Pendidikan Moral

1. Pendidikan Moral dijadikan mata pelajaran wajib bagi pelajar-pelajar bukan Islam.
2. Pendidikan Moral diajar secara berasingan.
3. Peperiksaan dan penilaian diadakan untuk Pendidikan Moral.

1.2.2 Sejarah Perkembangan Mata Pelajaran Pendidikan Moral

konsep-konsep moral yang dikenalpasti telah pun dimasukkan dalam pelajaran Sivik – 1974.

Draf Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral tahun 1978 cuba memberi definisi pendidikan moral serta menyatakan objektif-objektif am mata pelajaran Pendidikan Moral di sekolah-sekolah di Malaysia. Draf 1978 ini juga mengenalpasti 16 nilai teras kebersihan, baik hati, kesederhanaan, kerajinan, kesyukuran, kejujuran, keadilan, kasih sayang, hormat-menghormati dan semangat bermasyarakat. Tiga lagi nilai teras diperkenal, iaitu nilai kebebasan, hemah tinggi dan kerjasama pada tahap kedua sekolah rendah.

20 Julai 1981 - Dua belas nilai yang dimasukkan ke dalam Sukatan Pelajaran Pendidikan Moral Kurikulum Baru Sekolah Rendah adalah seperti berikut:

- (a) Sikap bersih dari segi fizikal dan mental
- (b) Sikap belas kasihan (c) Sikap sederhana
- (d) Sikap rajin (e) Sikap berterima kasih
- (f) Sikap jujur (g) Sikap adil
- (h) Sikap kasih saying (i) Sikap hormat-menghormati
- (j) Sikap bermasyarakat (k) Sikap tidak angkuh
- (l) Kebebasan

1.2 KURIKULUM PENDIDIKAN MORAL

(a) Kandungan Kurikulum - Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan murid yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi serta menyemai, menanam dan memupuk nilai-nilai akhlak yang diingini, di samping menyampaikan ilmu pengetahuan.

(b) Fokus- kurikulum

- kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif
- kemahiran berkomunikasi secara berkesan
- kemahiran menikmati keindahan ciptaan dan seni
- kemahiran membuat pilihan dan membuat keputusan
- kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat
- kemahiran bergaul dan bekerjasama dengan orang lain
- kemahiran kepimpinan dan pengurusan

Penekanan Kurikulum

- (a) Pembelajaran Koperatif

Kurikulum berkisar dalam bentuk tugas, permasalahan dan projek yang dijalankan oleh pelajar dalam kumpulan yang mengandungi berbagai tahap kebolehan.

(b) Berfikir Secara Kritis dan Reflektif

membuat pilihan dan keputusan berlandaskan sebab-sebab yang rasional serta justifikasi.

(c) Pengembangan Kreativiti

berfikir secara logik, membina daya imaginasi dan boleh memberi pandangan

(d) Kemahiran Generik

Kemahiran-kemahiran generik boleh guna dapat menyediakan tenaga pekerja yang mahir, cekap dan berketrampilan di tempat kerja dan alam pekerjaan.

(e) Multilingualisme

Arus globalasi dan ledakan maklumat memerlukan kebolehan pelbagai bahasa untuk Rakyat Malaysia perlu menguasai dua bahasa atau lebih

(f) Patriotisme dan Ketatanegaraan

Kesinambungan pembinaan semangat patriotisme dan identiti kebangsaan dilanjutkan. Kebudayaan nasional, ideologi dan aspirasi nasional akan dapat mengukuhkan lagi identiti kebangsaan dan membentuk bangsa Malaysia yang berwibawa dan bermoral tinggi.

(g) Penghayatan Nilai-Nilai Murni

Pemupukan dan penghayatan nilai murni masyarakat Malaysia dilanjutkan di samping nilai-nilai baru masyarakat moden.

(h) Pelbagai Kecerdasan

Setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbagai. (Multiple Intelligences) iaitu verbal-linguistik, logiko-matematik, muzik, spatial, bodily-kinesthetic, interpersonal, dan intrapersonal diberi tumpuan. Ini dapat melahirkan individu yang holistik dan seimbang.

(i) Kemahiran Belajar Untuk Belajar

Kemahiran membaca pantas, mencari dan memilih maklumat, merujuk, membuat nota, menulis ringkasan, bercakap di khalayak ramai dan sebagainya

1.3.1 Matlamat Pendidikan Moral

Membentuk insan yang berakhhlak mulia, bertanggung jawab dan boleh menyumbang ke arah keharmonian dan kestabilan negara serta masyarakat global.

1.3.2 Objektif

(i) Memahami dan menghayati nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

(ii) Meningkatkan amalan budi perkerti mulia.

(iii) Menyedari dan menerima kepentingan tanggungjawab moral dan sosial bagi mengekalkan kesejahteraan hidup dalam perhubungan diri dengan keluarga, masyarakat, negara serta alam sekitar.

(iv) Mengembangkan dan mengaplikasikan pemikiran moral, perasaan moral dan perlakuan moral dalam membuat sesuatu pilihan dan keputusan yang selaras dengan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Insan Moral mempunyai tiga komponen berikut:

(a) Kandungan:

Peraturan Masyarakat- sentiasa berfikir bagaimana mereka sendiri mesti berkelakuan

Keperibadian Mulia - mempunyai keperibadian yang baik dan mengamalkan kesederhanaan (mengikuti jalan tengah) dan boleh dipuji.

(b) Bentuk:

Etika Prinsip – keadilan dan keduluan

Etika Situasi - Tindakan seseorang itu dalam satu-satu situasi mesti ditentukan sendiri berdasarkan pertimbangan bebas dan kebebasan memilih tanpa paksaan dari luar.

(c) Dimensi:

Penaakulan - proses seseorang individu memperkembang kebolehan membuat pertimbangan atau keputusan moral yang matang dan tersendiri tanpa dipengaruhi oleh perasaannya dan pandangan orang lain

Emosi - perasaan yang betul yang melibatkan percaturan secara rasional dalam sesuatu situasi.

Tingkah laku - segala perkara yang dilakukan oleh seseorang individu yang berkaitan dengan peraturan moral

- 16 nilai-nilai murni berserta subnilainya
- 1 Baik hati - belas kasihan, bertimbang rasa, murah hati, saling faham-memahami, dan saling bermaafan.
 - 2 Berdikari- berupaya bertindak sendiri, dan yakin pada diri sendiri.
 - 3 Hemah tinggi- kesopanan, mengakui kesalahan diri, dan ramah mesra.
 - 4 Hormat- hormat dan taat kepada ibubapa atau penjaga, hormat kepada ahli keluarga, orang lebih tua, guru, rakan, jiran tetangga, dan pemimpin.
 - 5 Kasih sayang- sayangkan diri dan orang lain, sayangkan alam sekeliling dan cintakan negara.
 - 6 Keadilan- Adil dan saksama.
 - 7 Kebebasan- Kebebasan di sisi undang-undang.
 - 8 Keberanian- Berani mencuba, dan berani kerana benar.
 - 9 Kebersihan fizikal dan mental- Kebersihan diri, persekitaran dan mental.
 - 10 Kejujuran -Amanah, bercakap benar, dan ikhlas.
 - 11 Kerajinan- Berdaya usaha dan berdedikasi.
 - 12 Kerjasama- Gotong-royong, toleransi dan perpaduan.
 - 13 Kesederhanaan- Pertuturan dan perlakuan yang sederhana, dan sederhana dalam menimbangkan kepentingan diri dan kepentingan orang lain.
 - 14 Kesyukuran- Berterima kasih, dan menghargai kebijaksanaan, pengalaman dan jasa.
 - 15 Rasional- Membuat pertimbangan.
 - 16 Semangat bermasyarakat- Permuafakatan, kejiranian, dan peka terhadap isusu sosial dalam masyarakat.

Topik 2 Guru Pendidikan Moral

PERANAN GURU PENDIDIKAN MORAL

2.1.1 Penyampai Ilmu Pendidikan Moral - Peranan utama guru-guru Pendidikan Moral dalam memastikan perkembangan moral para pelajar adalah dengan membantu mereka membentuk satu pandangan moral yang menyeluruh dan relevan bagi kedua-dua institusi, iaitu rumah dan juga sekolah.

- Dalam kemahiran belajar, terdapat beberapa kemahiran kecil seperti mengesan balik maklumat, menginterpretasi bahan, membuat catatan, membuat rujukan, menguruskan masa dengan baik dan menggunakan pusat sumber.

- Seseorang guru terpaksa memainkan pelbagai peranan di sekolah. Dia adalah pengajar, ahli metodologi, kerani, penyebar nilai masyarakat, penasihat kelab, pengadil, penilai, pendisiplin dan kaunselor. Ketika memainkan peranan sebagai pendisiplin, guru hendaklah bersifat tegas manakala ketika berfungsi sebagai kaunselor, dia hendaklah bersifat mudah dihampiri.

2.1.2 Teladan Insan Moral

- (a) Ramah-memudahkan guru memahami masalah pelajar-pelajarnya.
- (b) Adil- membolehkan guru menjalankan pemeriksaan latihan dan penilaian tugas pelajar-pelajar secara objektif.
- (c) Fleksibel- mengubah bahan pengajaran mengikut keupayaan dan keperluan pelajar-pelajar.
- (d) Tegas- dapat menjamin aktiviti pengajaran dan pembelajaran berjalan dengan teratur.
- (e) Gemar berjenaka- dapat mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang riang, tenang serta menyeronokkan.
- (f) Utuh-Keutuhan merujuk kepada ketekalan tingkah laku seseorang gurumbolehkan setiap kegiatan akademik dan kurikulum dijalankan dengan teratur serta memenuhi objektif-objektif yang ditentukan.
- (g) Berdedikasi- kerap kali bekerja mlebih apa yang diharapkan daripadanya.
- (h) Peka-Guru yang berkesan hendaklah peka terhadap minat, kebolehan serta keperluan-keperluan pelajarnya.
- (i) Inovatif-sentiasa memperkenalkan sesuatu strategi atau bahan pengajaran yang baru.
- (j) Berwibawa-Seseorang guru yang berwibawa dapat memastikan segala aktiviti di dalam dan di luar bilik darjah

dapat dirancang dan dilaksanakan mengikut objektif-objektif yang ditentukan.

(k) Bermoral-Seseorang guru hendaklah mempunyai tahap kemoralan yang tinggi agar boleh dicontoh oleh pelajar-pelajarnya.

(l) Toleran- Keupayaan memahami masalah-masalah pelajar adalah penting agar dia dapat berusaha untuk mengatasinya.

Prinsip-Prinsip Asas Kemoralan

- (a) Altruisme- Apa sahaja yang guru lakukan dalam bidang moral akan melibatkan orang lain - akan menjauhkan guru daripada kejahanan mementingkan diri.
- (b) Keadilan- Prinsip keadilan melibatkan konsep kesaksamaan dan menghormati orang lain (yang memastikan seseorang itu bercakap benar, menepati janji, dan sebagainya).
- (c) Autonomi-Prinsip autonomi meliputi pertimbangan bebas dan kebebasan memilih.

KELAYAKAN DAN KEMAHIRAN GURU PENDIDIKAN MORAL

2.2.1 Penguasaan Isi Kandungan Mata Pelajaran

- (a) Kaedah Pengajaran
 - (b) Pemupukan Nilai-nilai Murni
 - (c) Pendidikan Kesusasteraan
 - (d) Sistem Pendidikan Mentor-Mentee
 - (e) Penubuhan Kumpulan Peningkatan Kualiti
 - (f) Melayan Pelajar Sebagai Pelanggan
 - (g) Rakan Sekerja Adalah Pelanggan
 - (h) Kerja Berpasukan (Team Work)
 - (i) Kemajuan Berterusan (Continuous Improvement)
- 2.2.2 Penguasaan Kemahiran Penyampaian Pendidikan Moral
- Ciri-ciri Guru Berkualiti
- Mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap sesuatu bidang pengkhususannya.
 - Komitmen yang menyeluruh.
 - Penambahbaikan ilmu serta kemahiran secara berterusan.
 - Sebagai satu role model atau idola kepada pelajar.
 - Mudah didekati, mesra dan mampu menyelesaikan masalah dan memberi pandangan yang bernes.

CIRI-CIRI PERIBADI GURU PENDIDIKAN MORAL

Insan Bermoral

1. Budi pekerti, tingkah laku mulia, serta berbudi bahasa.
2. Tidak angkuh, tidak menunjuk-nunjuk serta tidak sombang dalam pergaularan dengan orang lain.
3. Suka bergaul mesra, tidak mengasingkan diri serta sedia mengakui kesilapan dan kelemahan sendiri.
4. Orang bermoral juga mempunyai sifat hormat menghormati

Ciri-Ciri Insan Bermoral

- (i) Menghormati autoriti (seperti ibu bapa dan guru, pemimpin Negara atau agama) yang menunjukkan contoh dan teladan serta amalan yang diterima sebagai bermoral.
- (ii) Melakukan sesuatu secara bebas tanpa sebarang tekanan.
- (iii) Mempunyai pengetahuan dan pemahaman tentang perasaan orang lain di dalam satu-satu situasi.
- (iv) Mempunyai emosi atau motivasi moral untuk melakukan sesuatu yang benar selepas keputusan moral diambil.
- (v) Mempunyai iltizam untuk melakukan sesuatu yang patut dilakukan secara konsisten berdasarkan prinsip-prinsip dan peraturan moral yang asas.

Topik 3 Pengurusan MataPelajaran Pendidikan Moral MASALAH PERLAKSANAAN PENDIDIKAN MORAL DI SEKOLAH

- Faktor Ibu Bapa/Keluarga
- Faktor Guru dan Sekolah/Institusi
- Faktor Murid/Rakan Sebaya
- Faktor Komuniti/Masyarakat
- Faktor Media Massa

MASALAH PENGAJARAN PENDIDIKAN MORAL

- Kekurangan Sumber Pengajaran Pembelajaran
- Kekurangan Latihan Khusus dalam Bidang Pengajaran Pendidikan Moral

Isu-Isu Moral Semasa dalam Masyarakat/Komuniti

- **Rogol/Sumbang Mahram**
- **Keganasan Rumah Tangga**
- **Gangguan Seksual**
- **Pornografi**
- **Cybercafe**

Isu-Isu Moral di Sekolah

- **Vandalisme**
- **Peras Ugut/Kongsi Gelap/Buli**

Ciri-ciri Remaja Devian

Mengikut kajian Halcomb (1991), personaliti remaja mempunyai masalah tingkah laku seperti berikut:

- Mempunyai hubungan sentimental tetapi kasar dengan orang lain dan selalu terlebih yakin dengan keupayaan mereka.
- Kehidupan harian tidak teratur dan tidak peka pada peraturan.
- Lebih menggemari situasi yang tidak dapat dijangka ataupun berunsur suspensi.
- Mempunyai potensi mempengaruhi orang lain.
- Bercakap kasar, tidak bertimbang rasa dan tidak sabar dengan kelemahan ataupun kekurangan orang lain.
- Berasa kehidupan keluarga tidak memuaskan, kurang kasih sayang dan mempunyai tahap konflik yang tinggi.
- Mempunyai kepercayaan diri yang rendah dalam keupayaan mencapai kepuasan akademik yang baik.
- Mengalami ketidaksesuaian antara dirinya yang ideal dan dirinya yang sebenar di mana mereka kadang-kadang bermasalah mencapai identity yang diinginkan.
- Kurang kepercayaan bagi mengawal kehendak-kehendak impulsif.

Teori tentang Punca Salah Laku Remaja

- (i) Teori fungsionalisme □ Teori ini menganggap devian sebagai tidak mempunyai peranan kepada struktur sosial.
- (ii) Teori konflik □ Teori konflik mengatakan, devian adalah tindakan golongan tertindas ke atas pihak minoriti yang menindas.
- (iii) Teori subbudaya □ Teori Subbudaya dan deprivasi status pula berpendapat, devian berpunca daripada budaya kumpulan yang berbeza daripada budaya masyarakat. Deprivasi selalu berpunca daripada kemerosotan ekonomi dan kelemahan sosio-emosi. Remaja terutama daripada kelas sosial rendah yang tidak berjaya dalam akademik mengalami kekecewaan dan tekanan serta bertindak melakukan devian.
- (iv) Teori interaksiionisme □ Teori interaksiionisme melihat devian sebagai perkara subjektif dan proses sosial. Remaja sengaja memilih tingkah laku mengikut kemauan dan sesuai dengan cara interpretasi mereka. Kajian Tattum (1986) mendapatkan, remaja sengaja melakukan devian sebagai teknik naturalisasi dalam interaksi mereka.
- (v) Kategori Perlakuan Devian
 - Inovasi: Memenuhi matlamat dengan cara yang salah.
 - Ritual: Tindakan mengulang perbuatan.
 - Undur: Orang yang tidak lagi berminat dengan matlamatnya lalu melakukan alternatif lain sebagai tindakan.
 - Menentang: Menolak matlamat persekolahan dan menggantikannya dengan matlamat lain.

Topik 4 Kejayaan Pengajaran dan Amalan Nilai Murni diSekolah

- Tugas dan Tanggungjawab Panitia Pendidikan Moral

1. Ketua Panitia juga perlu mengajar dalam kelas mata pelajaran Pendidikan Moral.
2. menjadi guru contoh kepada guru-guru lain,
3. merancang, melaksana, menyelia dan menilai pembelajaran
4. mengurus dan menggerakkan panitia
5. mematuhi surat pekeliling yang diedarkan oleh

kementerian supaya tidak bercanggah dengan objektif mata pelajaran Pendidikan Moral.

- 6. melaksanakan hasrat surat pekeliling
- 7. sebagai agen perubahan dan inovasi terhadap pelajaran Pendidikan Moral, dimana seorang
- 8. merancang, menyedia dan memastikan penggunaan bahan di dalam kelas.
- 9. menguruskan jadual waktu mata pelajaran Pendidikan Moral.
- 10. menguruskan bilik-bilik khas untuk pembelajaran Pendidikan Moral, contohnya seperti penggunaan bilik audiovisual.
- 11. melaksanakan pemantauan keatas pelajaran Pendidikan Moral.
- 12. merancang dan melaksanakan penilaian-penilaian yang akan dilakukan di dalam kelas.
- 13. menganalisis peperiksaan, dari segi peningkatan atau penurunan gred pelajar-pelajar dalam mata pelajaran Pendidikan Moral.
- 14. melakukan tindakan susulan, seperti membuat kelas-kelas pemulihan dan pengayaan kepada pelajar.
- 15. membuat analisis keperluan-keperluan staf dalam mengajar moral.
- 16. merancang dan melaksanakan program latihan dalaman.
- 17. menilai program Pendidikan Moral di sekolah.
- 18. memastikan penyertaan guru dalam seminar, bengkel dan kursus.
- 19. menyediakan bahan bantu mengajar dan bahan bantu belajar kepada guru-guru untuk digunakan di dalam kelas.
- 20. menambahkan koleksi Pusat Sumber Sekolah

TANGGUNGJAWAB SEKOLAH DAN GURU BIASA

Penilaian Formal yang Dilakukan oleh Guru Pendidikan Moral

(i) Pentaksiran Iltizam

Pentaksiran iltizam adalah untuk mentaksir pengalaman, penghayatan dan keterlibatan yang bersungguh-sungguh serta penuh tanggungjawab dalam aktiviti berikut:

- Tugasan Harian
- Kerja Amal

(ii) Folio

Satu folio adalah kompilasi dokumen-dokumen berikut:

- Penulisan (Tugasan Harian)
- Laporan Aktiviti yang telah disertai
- Maklumat dan dokumen sebagai bukti aktiviti-aktiviti yang telah disertai seperti gambar, sijil, surat akuan, penghargaan dan lain-lain bahan yang boleh dijadikan bahan bukti.

Pendidikan Moral Secara Tidak Formal di Sekolah

- Projek moral sekolah adalah penting dan mempunyai falsafah dan orientasi tersendiri. Ia akan memberikan sesuatu sekolah itu identitinya.
- laporan sahsiah dijalankan secara tidak formal untuk melaporkan tentang sahsiah pelajar terhadap pemupukan dan penghayatan amalan nilai murni yang berterusan dan keharmonian hidup mengikut norma masyarakat Malaysia.
- Kokurikulum ialah satu saluran pembelajaran yang berasaskan gerak kerja yang tersusun dan terancang yang sebahagian besar aktivitiinya dilakukan di luar bilik darjah.

SOKONGAN KOMUNITI TEMPATAN

- Persatuan ibu bapa dan guru (PIBG) merupakan entiti penting dalam sesebuah sekolah, penubuhannya yang termaktub dalam Akta pelajaran 1961, membuktikan PIBG ialah rakan kongsi sekolah dalam menyelesaikan pelbagai masalah dan isu menjadi wadah forum dan khidmat bakti untuk kemajuan pelajar di sekolah berkenaan, disamping membantu melengkapkan keperluan kebendaan serta membolehkan para ibu-bapa dan guru-guru berkongsi dan bertukar pendapat dan maklumat mengenai pendidikan dan cara-cara meningkatkan lagi prestasi akademik dan kurikulum pelajar.
- SALAM menganjurkan program-program perkhidmatan sukarela dalam berbagai bidang dengan tumpuan

- khususnya terhadap pendidikan, kesihatan dan kerja pembangunan komuniti.
- Majlis AIDS Malaysia adalah satu pertubuhan yang berkomited untuk membuat satu persekitaran yang bebas daripada impak negatif HIV/AIDS untuk Malaysia dan semua rakyatnya.
 - PEMADAM adalah singkatan dari Persatuan Mencegah Dadah Malaysia. Ia adalah satu pertubuhan sukarela yang ditubuhkan untuk menolong mereka yang bermasalah berbangkit daripada penggunaan dadah, untuk memberi tunjuk ajar kepada orang ramai mengenai bahaya-bahaya penggunaan dadah dan juga untuk mendapat kerjasama orang ramai dalam usaha membasmi dadah.
 - MERCY memberikan bantuan kemanusiaan dan sehingga kini, ia telah memulakan projek dan program dalam bentuk latihan vokasional, penggalian pergi, bantuan makanan dan sebagainya.

Topik 5 Peranan Guru dalam Pemupukan Kecerdasan Moral Murid-murid.

Kepentingan Pemupukan Kecerdasan Moral

1. Seseorang perlu mengetahui emosi dirinya terlebih dahulu dan bagaimana mengendalikannya.
2. Seseorang perlu bijaksana mengendalikan perhubungan (berkomunikasi) dengan orang lain.
3. Seseorang perlu berupaya memotivasiikan diri secara tegas dan yakin dengan perasaan diri, pencapaian dan kebolehan pelajar yang mempunyai kecerdasan emosi akan berada pada jalan kecemerlangan yang lebih jelas.

Pengertian Kecerdasan Moral

- suatu usaha untuk membentuk insan yang menyeluruh dari segi kognitif, afektif dan psikomotor.

Nilai Asas dalam Pemupukan Kecerdasan Moral

1. Empati 2. Kesedaran 3. Kawalan kendiri
4. Menghormati 5. Baik Hati 6. Toleransi 7. Keadilan

Aktiviti-aktiviti dan Kaedah Pemupukan Kecerdasan Moral

(a) Pembelajaran Kolaboratif

Pendekatan ini menekankan proses penyiasatan dan inkuri. Dalam pembangunan moral, pelajar akan melibatkan diri dalam aktiviti menjawab soalan terbuka supaya kemahiran inkuri boleh dibina.

(b) Pembelajaran Kooperatif

Pembelajaran kooperatif adalah satu pendekatan pembelajaran yang melibatkan kumpulan atau pasukan pelajar.

(c) Pembelajaran Theory of Constraint (TOC) dan Kajian Masa Depan

Constraint ialah faktor yang menyebabkan sesuatu sistem daripada mendapat keuntungan yang lebih daripada apa yang hendak dicapai.

(d) Kajian Masa Depan

membolehkan generasi baru merancang dan mewujudkan masyarakat Malaysia yang berwawasan, rasional, kreatif, dinamik serta boleh menerima dan menangani segala perubahan.

(e) Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir yang juga ditafsirkan sebagai pemikiran reflektif, kritis dan kreatif; merupakan satu proses intelektual yang melibatkan pembentukan konsep aplikasi, analisis, sintaksis, dan/atau menilai informasi yang terkumpul atau dihasilkan melalui pengamatan, pengalaman, refleksi, pentaakulan, atau komunikasi.

(f) Kemahiran Berfikir secara Kreatif

Kemahiran Berfikir secara Kreatif ialah kecekapan atau keupayaan menggunakan minda untuk menerokai pelbagai kemungkinan, menghasilkan sesuatu yang baru, asli, dan bernilai sama ada bersifat mawjud, abstrak, idea atau gagasan.

(g) Kemahiran Berfikir secara Kritis/Kritikal

Kemahiran Berfikir secara Kritis/Kritikal pula ialah kecekapan dan keupayaan menggunakan minda untuk menilai kemunasabahan atau kewajaran sesuatu idea, meneliti

kebernasaran, kebaikan dan kelemahan sesuatu hujah dan membuat pertimbangan yang wajar dengan menggunakan alasan dan bukti yang munasabah.

(h) Kemahiran Berfikir secara Analitis

Berfikir secara analitikal ditandai oleh daya usaha untuk melihat sesuatu itu secara lebih terperinci. Analisis ialah proses kita memecahkan masalah besar kepada bahagian-bahagiannya yang lebih kecil supaya dapat kita tangani. Analisis ialah proses kita mencari puncapunca. Analisis ialah usaha kita untuk memahami situasi yang kompleks dengan cuba melihat situasi itu melalui unsur-unsurnya.

(i) Pembelajaran Kontekstualisme

Pembelajaran kontekstualisme ialah satu kaedah pembelajaran yang menggabungkan isi kandungan dengan pengalaman harian, individu, masyarakat dan alam pekerjaan.

(j) Konstruktivisme

Konstruktivisme bermaksud suatu proses pembelajaran yang mana pelajar tidak lagi dianggap belajar daripada apa yang diberikan guru atau sistem pengajaran tetapi secara aktif membina realiti mereka sendiri dan pada masa yang sama mengubahsuai realiti tersebut.

Penglibatan , penjelajahan , penerangan , penghuraian, penilaian.

Akan bersambung